

Mahathir diberi penghargaan 'Pahlawan Rakyat'

JM 27 DEC 1983

KUALA KEDAH 26 Dis. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah diberi penghargaan dan gelaran sebagai "Pahlawan Rakyat" kerana berjaya menyelesaikan isu pindaan perlembagaan.

Gelaran tersebut diberikan oleh penduduk - penduduk Pekan Kuala Kedah dengan mengabdikan tulisan besar berbunyi "Mahathir pahlawan rakyat" di tembok Kota Kuala Kedah yang bersejarah itu sempena lawatannya ke situ sama-

lam.

Kira - kira 25,000 orang penduduk dari berbagai lapisan rakyat telah mengalu - alukan lawatan Perdana Menteri yang disertai oleh isterinya, Datuk Paduka Datin Sri Dr. Hasmah bagi merasmikan perletakan batu asas bangunan UMNO bahagian Kuala Kedah setinggi 5 tingkat dianggarkan berharga \$1.1 juta.

Berpuluh - puluh sepanduk antaranya bertulis "Selamat datang pe-

juang bangsa" "selamat datang pemimpin rakyat," "Hidup Che Det" dan lain-lain lagi telah terpampang kelihatan di sekitar Pekan Kuala Kedah sebagai mengalu - alukan lawatan Perdana Menteri itu.

Kemuncak lawatan tersebut Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Paduka Datin Sri Dr. Siti Hasmah telah diarak dengan menaiki bot nelayan dari jeti kilang baja Sematang Pinang melalui Kampung Baharu, Kampung Hulu, Kam-

pung Tengah, Seberang Alur dan berakhir di Seberang Kota bagi menyaksikan hakisan Kota Kuala Kedah yang hampir tenggelam dan sedang dipulihkan semula oleh pihak Muzium Negara.

Lebih 20 buah bot nelayan telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut yang diiringi oleh tiupan serunai tradisi di mana orang ramai telah membanjiri sepanjang pantai yang dilalui oleh bot - bot membawa Datuk Sri Dr. Mahathir yang kelihatan melambaikan tangan kepada orang ramai.

Sebelum itu Perdana Menteri telah diarak dan berjalan kaki ketika di bawa melawat kawasan setinggian tepi laut dan projek rumah murah di situ.

Ahli Parlimen kawasan Kuala Kedah, Datuk Abu Bakar Rautin Ibrahim yang juga Ketua UMNO bahagian tersebut dalam ucapannya di majlis perletakan batu asas bangunan UMNO di situ berkata orang yang patut mendapat pujian atas kejayaan penyelesaian isu pindaan perlembagaan ialah Perdana Menteri sendiri.

Beliau mensifatkan sebagai "nasib tuah sudah terbela" apabila Seri Paduka Baginda Timbalan Yang Di-Pertuan Agong berkenan menandatangani pindaan tersebut

pada 15 Disember lalu.

Datuk Abu Bakar Rautin menyebut UMNO bahagian Kuala Kedah mula-mula sekali mengenengahkan isu pindaan perlembagaan untuk perbincangan umum pada 22 Oktober

baru dapat diselesaikan.

Menurutnya, peristiwa tersebut yang diiringi oleh tiupan serunai kin tidak akan berulang lagi yang akan dianggap oleh ahli - ahli sejarah sebagai "masa yang cend-

merlang bagi mereka". Dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengucapkan terima kasih kepada penduduk - penduduk Kuala Kedah kerana memberi sokongan kepadanya bagi menyelesaikan krisis pindaan perlembagaan tersebut.

Beliau bagaimanapun mensifatkan perjuangan tersebut sudah berhasil dan "kita mesti mempunyai semangat bagi meneruskan perjuangan".

Sementara itu, Datuk Sri Dr. Mahathir telah diberikan sambutan meriah secara tradisi dengan perarakan bunga manggar diiringi oleh pengawal - pengawal membawa tombak dalam perarakan kira - kira 3,000 orang penduduk ketika merasmikan bangunan UMNO bahagian Jerai di Pekan Guar Cempedak di sebelah petangnya.